

KEBERKESANAN TEKNIK PENEMUAN IDEA POKOK DALAM MEMBACA CEPAT*(The Effectiveness Main Ideas Technique In Speed Reading)***AUZAR**auzarthaher@yahoo.com

Universitas Riau

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan menilai tahap proses pembelajaran membaca cepat pelajar tahun pertama Semester 2, bidang Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Riau. Metodologi kajian adalah kuasi eksperimen. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini sebanyak 43 orang. Semua pelajar diuji sebanyak dua kali, iaitu pada pertengahan dan pada akhir pembelajaran. Ujian pertama dilakukan untuk mengukur kemampuan membaca cepat dengan teknik membaca seimbis (*scanning*) dan membaca melungsur (*skimming*). Ujian kedua dilakukan setelah melaksanakan pembelajaran dengan teknik penemuan idea pokok. Pembelajaran dilakukan selama 14 minggu dengan 100 minit setiap kali sesi pembelajaran. Setiap kali pembelajaran dilakukan aktiviti latihan lebih kurang 50 minit. Dapatan kajian menunjukkan kemampuan membaca cepat pelajar tergolong rendah, iaitu 218.125 kata per minit dengan kefahaman isi bacaan sebanyak 56% (0.56) pada ujian pertama. Pada ujian kedua, kecepatan membaca pelajar meningkat menjadi 279.20 kata per minit dengan kefahaman isi bacaan sebanyak 76% (0.76). Kecepatan efektif membaca (KEM) pada kedua-dua ujian digolongkan rendah, iaitu 122.15 kata per minit pada ujian pertama dan 212.19 kata per minit pada ujian kedua.

Kata kunci: membaca cepat, membaca seimbis, membaca melungsur, teknik penemuan

ABSTRACT: This study aimed to assess the process of learning to read quickly for the first year of 2nd semester students of Language and Literature field of Indonesia, Faculty of Teaching and Education, University of Riau. The research methodology is quasi experimental. Samples involved in this study were 43 students. All students were tested twice, once in the middle of the lesson and once at the end of the lesson. The first test was done to measure the ability to read quickly by reading technique browse (*scanning*) and read surfing (*skimming*). The second test was done after learning by discovery technique of main ideas. Learning was done for 14 weeks with 100 minutes for each learning session. Training activities was done about 50 minutes during each learning lesson. The result shows the students that are able to quick-speed read are the lowest which is 218.125 words per minute with reading comprehension content of 56% (0.56) in the first test. In the second test, students' reading speed increased to 279.20 words per minute with reading comprehension content of 76% (0.76). Effective speed reading (CAMP) on both tests are classified low at 122.15 words per minute on the first test and 212.19 words per minute on the second test.

Key words: reading quickly, scanning reading, skimming reading, research finding

PENGENALAN

Kegiatan membaca bagi pelajar merupakan kegiatan yang tidak dipisahkan daripada proses pembelajaran, baik di dalam ruang kuliah ataupun di rumah, perpustakaan, dan di tempat lainnya. Dengan membaca, proses pemerolehan pengetahuan dapat dilakukan lebih lama dan mendalam. Selain itu, dengan membaca proses pemerolehan pengetahuan dapat diterima secara bertahap sesuai dengan keinginan pembaca. Membaca pada hakikatnya adalah suatu yang rumit yang melibatkan banyak hal, tidak hanya sekadar melafazkan tulisan, tetapi juga melibatkan aktiviti visual, berfikir, psikolinguistik dan metakognitif. Sebagai proses visual, membaca merupakan proses menterjemah simbol tulisan ke dalam bentuk bacaan bersuara. Sebagai kegiatan proses berfikir, membaca mencakup aktiviti pengenalan kata, kefahaman literal, interpretasi, membaca kritis dan kefahaman kreatif. Pengenalan kata dapat berupa aktiviti membaca kata-kata dengan menggunakan kamus (Crawley & Mountain 1995).

Membaca merupakan salah satu aspek berbahasa yang bersifat menerima (*receive*). Untuk menerima gagasan ataupun maklumat, perlu adanya sesuatu proses. Kata proses membawa makna sesuatu yang ada awalnya dan ada akhirnya (Yahya 2003). Proses membaca yang ditekankan perlu mewujudkan kefahaman. Seiring dengan itu, proses membaca merupakan usaha terus menerus yang dilakukan oleh pembaca melalui aktiviti kognitifnya untuk memperoleh makna teks yang dibaca. Selain itu, proses membaca juga melibatkan analisis yang dilakukan oleh pembaca ketika membaca untuk mendapatkan gambaran atau idea yang terdapat di dalam teks.

Kemampuan membaca adalah sebagai proses mental yang aktif yang melibatkan pembelajaran untuk mendapatkan makna teks. Hal ini selaras dengan fikiran Thorndike yang menganggap membaca sebagai proses berfikir (Marohani 1999). Oleh kerana itu, proses memahami teks yang dibaca melibatkan aktiviti-aktiviti kognitif, khususnya yang melibatkan kesedaran metakognitif. Proses metakognitif melibatkan perencanaan, pembetulan suatu strategi, pemantauan, dan pengevaluasian. Pembaca pada tahap ini mengidentifikasi tugas membaca untuk membentuk strategi membaca yang sesuai, memantau kefahamannya, dan menilai hasilnya (Farida 2007).

Menurut Tarigan (1985), membaca dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu membaca ekstensif dan membaca intensif. Membaca ekstensif merupakan program membaca yang dilakukan secara luas (Harris 1983). Maksud luas dalam pengertian ini adalah para pembaca, khususnya pembelajar, diberikan kebebasan dan keleluasaan memilih bahan-bahan bacaan mereka. Namun, bukan bermakna keleluasaan ini tidak memiliki batas. Pembelajar tetap saja harus diawasi oleh guru atau dosen dalam memilih bahan bacaan, terutama dari segi kebolehbacaan bahan bacaan. Jangan sampai bahan bacaan tidak dapat difahami oleh pembelajar atau pembaca. Selain itu, waktu yang digunakan untuk membaca haruslah sesingkat mungkin. Oleh kerana itu, membaca ekstensif dapat difahami sebagai kegiatan membaca cepat dengan waktu yang singkat dengan kefahaman idea-idea pokok dan untuk mendapatkan informasi yang diinginkan pembaca saja.

Menurut Richard dan Schmidt (2002), membaca ekstensif adalah membaca dalam kuantiti dan dalam rangka untuk mendapatkan kefahaman umum tentang perkara yang dibaca. Batasan ini memiliki makna bahawa membaca ekstensif dipandang dari segi jumlah bacaan yang dibaca atau kuantiti, bukan kualiti atau kefahaman mendalam. Membaca intensif juga bertujuan untuk mendapatkan kefahaman umum atau untuk menemukan idea-idea pokok sahaja dalam teks. Selain itu, Jacob *et al.* (1999) menyatakan bahawa membaca ekstensif melibatkan "pembacaan bahan secara bebas dalam jumlah besar untuk mendapatkan informasi atau kesenangan". Batasan ini memiliki makna bahawa pembaca dapat membaca bahan bacaan sebanyak-banyaknya untuk mencari informasi yang diinginkan. Misalnya makna sesuatu kata, istilah, dan atau definisi sesuatu kata tertentu.

Dalam aktiviti membaca, terutama membaca ekstensif, pembaca sepatutnya dapat menemui idea-idea yang terkandung di dalam teks bacaan dalam waktu yang relatif cepat. Menurut Soedarso (2004), kecepatan membaca sangat bergantung pada bahan dan tujuan membaca dan tingkat keakraban pembaca dengan bahan bacaan. Kecepatan membaca harus seiring dengan kecepatan memahami bahan bacaan. Dalam hal ini, dengan membaca cepat, pembaca perlu memahami teks

tersebut dengan cepat pula. Bahkan, kefahaman inilah yang menjadi kayu ukur keberkesanan membaca, bukannya kecepatan. Kecepatan membaca tidak akan bermakna jika pembaca tidak dapat memahami isi bacaan.

Membaca ekstensif sama dengan membaca cepat. Kecepatan membaca tidak dikuasai dengan serta merta, tetapi harus dipelajari dengan cara menggunakan beberapa teknik. Teknik membaca cepat yang biasa digunakan adalah membaca seimbis (*sanning*) dan membaca melungsur (*skimming*). Menurut Farida Rahim (2007), membaca seimbis adalah membaca sangat cepat. Menurut Mikulecky dan Jeffries (1998), membaca seimbis penting untuk meningkatkan kemampuan membaca. Membaca seimbis membantu pembaca mencari informasi dengan cepat.

Membaca melungsur (*skimming*) ialah membaca dengan cepat untuk mengetahui isi umum atau bahagian suatu teks bacaan. Secara umum, semasa membaca, tidak semua informasi ingin diketahui dan diingat (Farida 2007). Hal ini sesuai dengan pendapat Mikulecky dan Jeffries (1998), iaitu membaca melungsur diperlukan untuk mengetahui sudut pandang penulis tentang sesuatu, menemukan pola organisasi paragraf, dan mengenal pasti gagasan umum dengan cepat. Kholid et al. (2009) mengatakan bahawa dengan membaca secara melungsur, pembaca dapat menemukan gagasan umum sebuah buku atau bacaan. Pembaca dapat memperluas melungsur dengan membaca indeks, isi jadual, atau bahagian lain yang penting. Jadi, membaca secara melungsur adalah cara untuk mengetahui gambaran umum isi sebuah teks tanpa membaca keseluruhan isi buku.

Menurut Soedarso (2004), semasa membaca, pembaca perlu mengenal pasti idea pokok. Kurangkan masa untuk membaca idea-idea yang tidak penting. Pembaca harus memfokuskan idea pokok. Apabila pembaca menumpukan kepada membaca untuk mendapatkan idea pokok, dengan sendirinya idea-idea penjas dapat dikuasai. Selanjutnya, Soedarso (2004) mengatakan bahawa idea pokok dapat ditemukan dalam semua bagian buku. Buku secara keseluruhan mempunyai idea pokok yang umum, kemudian setiap bab mempunyai idea pokok yang agak spesifik. Setiap bab terbagi lagi menjadi sub-bab yang mempunyai idea pokok yang lebih spesifik lagi dan setiap sub-bab terbagi menjadi paragraf yang mengandung idea pokok yang amat spesifik.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini berhubungan dengan kemampuan pelajar membaca dan memahami isi bacaan dengan teknik membaca cepat. Sehubungan dengan itu, masalah penelitian ini dirumuskan sebagai berikut:

1. Berapakah kecepatan membaca pelajar dengan teknik penemuan idea pokok?
2. Berapa tinggi peringkat kefahaman isi bacaan pelajar dengan teknik penemuan idea pokok?
3. Berapakah kecepatan efektif membaca pelajar dengan teknik penemuan idea pokok?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah eksperimen kuasi dengan menggunakan teknik penemuan idea pokok dalam membaca cepat. Eksprimen dilakukan kepada 43 pelajar tahun pertama semester 2 bidang Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia, Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universiti Riau. Penetapan sampel sebanyak 43 orang menggunakan cara *purposive sampling*. Cara ini digunakan kerana pelajar-pelajar tersebut telah mendapat pengetahuan membaca intensif di semester 1. Eksperimen dilaksanakan selama 14 minggu dengan 100 minit setiap kali sesi pembelajaran. Selama eksperimen, pelajar mendapat pembelajaran teori membaca cepat dan aktiviti latihan selama 50 minit dalam setiap sesi pembelajaran. Aktiviti latihan difokuskan pada cara-cara peningkatan kecepatan membaca seimbis dan membaca melungsur yang disertai dengan kefahaman isi atau idea-idea pokok bacaan.

Setelah melaksanakan 8 kali pembelajaran, kecepatan membaca pelajar diuji dengan teks bacaan yang dibahagi kepada 5 paragraf yang mengandungi 349 kata. Teks bacaan memenuhi kriteria kebolehbacaan menurut Grafik Fry dengan kadar atau tingkat 12. Ujian diberikan sebanyak dua kali, iaitu pada pertengahan dan di akhir pembelajaran. Ujian bertujuan untuk mengukur kecepatan dan kefahaman idea-idea pokok bacaan.

Pengukuran kecepatan menggunakan rumus:

$$\text{KPM} = \frac{\text{Jumlah kata yang dibaca}}{\text{Jumlah detik dalam membaca}} \times 60$$

KPM = Kata per menit

Selain itu, untuk kefahaman isi (PI), digunakan rumus:

$$\text{PI} = \frac{\text{Jumlah jawaban yang benar}}{\text{Jumlah jawaban ideal}} \times 100\%$$

Untuk mengukur kecepatan efektif membaca (KEM), iaitu gabungan kecepatan membaca kata per menit dengan kefahaman isi bacaan digunakan rumus:

$$\text{KEM} = \frac{\text{KB}}{\text{JD:60}} \times \frac{\text{PI}}{100} =$$

KEM = Kecepatan Efektif Membaca
 KB = Jumlah kata dalam bacaan (teks)
 JD = Jumlah detik yang digunakan dalam membaca
 PI = Skor Kefahaman Isi
 (Kisyani 2008).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil ujian membaca cepat yang diberikan kepada pelajar, diperoleh hasilnya seperti berikut.

Kecepatan Membaca

Hasil ujian pertama menunjukkan kemampuan membaca cepat pelajar berada pada kategori rendah, iaitu 218.125 kpm. Pada ujian pertama waktu yang dihabiskan untuk membaca 349 kata adalah 1 minit 36 saat (1'36"), sedangkan pada ujian kedua waktu yang dihabiskan 1 minit 15 saat (1'15") dengan kecepatan membaca sebanyak 279.20 kpm. Hasil kedua-dua ujian tersebut digambarkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Hasil Ujian I dan II membaca cepat

Bilangan (N)	Jumlah Kata	Min Waktu	Kecepatan Per Minit	Kategori
43	349	1'36"	218.125	Rendah
43	349	1'15"	279.20	sederhana

Jadual 1 menunjukkan hasil ujian I dan ujian II kecepatan membaca pelajar tahun pertama semester 2bidang Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia. Pada ujian I (lajur I) dapat dilihat bahawa kemampuan membaca sebanyak 218.125 kpm. Untuk membaca sebanyak 349 kata, pelajar memerlukan waktu purata selama 1 minit 36 saat (1'36"). Dengan waktu 1'36" dan kecepatan

membaca 218.125 kpm tersebut, kategori kecepatan membaca pelajar digolongkan rendah (<251 kpm). Pada ujian II kecepatan membaca sebanyak 279.20 kpm dan untuk membaca 349 kata mereka memerlukan waktu 1 minit 15 saat (1'15"). Perolehan 279.20 kpm menempatkan kecepatan membaca pelajar pada kategori sederhana (<400 kpm). Jadual 1 memperlihatkan juga perbezaan kecepatan membaca pelajar. Gambaran perbezaan tersebut disajikan pada Jadual 2.

Jadual 2: Tingkat kecepatan membaca pelajar

Bilangan (N)	Jumlah Kata	Kecepatan Per Minit	Min Kecepatan	Sisihan Piawai	Sinifikan
43	349	218.125	1.3591	.22669	0.000
43	349	279.20	1.1526	.05169	

Jadual 2 memperlihatkan perbezaan kecepatan membaca purata (*mean*) ujian pertama dan ujian kedua. Kecepatan membaca purata pelajar pada ujian pertama 1.3591 dan pada ujian kedua 1.1526. Perbezaan ini dikategorikan signifikan ($0,00 < 0,05$), seperti yang digambarkan pada lajur akhir Jadual 2. Hal ini bermakna kecepatan membaca pelajar pada ujian kedua lebih tinggi atau lebih cepat berbanding dengan ujian pertama dengan selisih 0.2065 saat.

Kefahaman Idea Pokok

Kefahaman idea pokok dipaparkan pada Jadual 3. Hasil ujian pertama menunjukkan peringkat kefahaman membaca pelajar semasa membaca cepat sebanyak 56% (0.56). Hasil ujian kedua memperlihatkan skor lebih tinggi, iaitu 76%. Perbezaan purata kefahaman ini digambarkan pada lajur 2, iaitu 2.8140 berbanding dengan 3.8140 dan memiliki selisih 1.000. Perbezaan ini dikategorikan signifikan ($0,00 < 0,005$), seperti digambarkan pada lajur akhir Jadual 3.

Jadual 3: Tingkat kefahaman membaca pelajar

Bilangan (N)	Peringkat Kefahaman	Min Kefahaman	Sisihan Piawai	Sinifikan
43	56%	2.8140	1.00607	0.000
43	76%	3.8140	.79450	

Kecepatan Efektif Membaca (KEM)

Kecepatan efektif membaca (KEM) tidak sama dengan kecepatan membaca kerana hasilnya telah digabungkan dengan kefahaman isi (PI). Berdasarkan hasil ujian membaca cepat yang pertama dan kedua, dapat dilihat bahawa kefahaman purata di antara kedua-dua jenis membaca tersebut berbeza. Gambaran perbezaan hasil KEM ujian pertama dan kedua dipaparkan pada Jadual 4 seperti berikut.

Jadual 4: Kecepatan efektif membaca pelajar

Bilangan (N)	Jumlah Kata	Min Waktu Yang Dhabiskan	Kefahaman (%)	KEM	Kategori
43	349	1'36"	56	122.15 kpm	Rendah
43	349	1'15"	76	212.19 kpm	Rendah

Jadual 4 memperlihatkan kecepatan efektif membaca (KEM) pelajar pada ujian pertama dan ujian kedua. Pada ujian pertama, pelajar hanya mampu membaca efektif sebanyak 122.15 kpm dan menghabiskan waktu 1'36" dengan kefahaman 56%. Hal ini bermakna skor yang diperoleh pada ujian pertama dikategorikan rendah kerana berada di bawah 325 kpm (<325 kpm). Ujian kedua

memperlihatkan KEM pelajar sebesar 212.19 kpm dengan waktu yang dihabiskan 1'15" dan kefahaman mencapai 76%. Hal ini bermakna terjadi peningkatan, baik dari penggunaan waktu, kefahaman, mahupun KEM. Namun, peningkatan ini tidak mengubah kategori akhir KEM, iaitu rendah kerana berada di bawah 325 kpm (<325 kpm) walaupun kefahaman dikategorikan sederhana.

PERBINCANGAN

Kecepatan Membaca

Berdasarkan dapatan kajian, kecepatan membaca pelajar digolongkan ke dalam kategori rendah, iaitu 218.125 pada ujian pertama. Menurut Abdul Razak (2001), skor tersebut untuk pelajar peringkat universiti, dikategorikan rendah (120-240 = rendah). Namun, kecepatan membaca pada ujian kedua meningkat menjadi 279.20. Menurut Nurhadi (2005), kecepatan membaca pada skor 250-350 kata per minit (kpm) tergolong sederhana. Kecepatan membaca minimum untuk pelajar berada pada skor 325 kpm. Skor kecepatan membaca yang rendah dipengaruhi oleh banyak faktor. Menurut Kholid et al. (2009), terdapat lima faktor yang mempengaruhi kecepatan membaca, iaitu:

1. Faktor teks bacaan, iaitu yang berhubungan dengan kebolehbacaan teks, teks bacaan yang menarik, dan ketulenan teks
2. Kecerdasan, iaitu yang berkaitan dengan kecerdasan otak pembaca
3. Minat, iaitu yang berkaitan dengan hasrat atau keinginan seseorang untuk membaca. Masalah yang sangat mempengaruhi kemampuan membaca seseorang adalah kurangnya minat baca. Hasil beberapa penyelidikan menunjukkan adanya hubungan antara minat baca dengan kemampuan membaca
4. Kebiasaan buruk dalam membaca, iaitu cara-cara yang digunakan pembaca ketika membaca, seperti membaca bersuara (*vocalisasi*), regresi, dan menunjuk teks dengan jari atau pensil
5. Kurangnya pengetahuan tentang cara membaca cepat.

Kefahaman Membaca

Dapatan kajian menunjukkan kefahaman membaca pelajar berada pada peringkat 76% setelah dilakukan pembelajaran dengan teknik penemuan idea pokok. Kefahaman pada tahap ini menurut Listiyanto (2010), digolongkan sederhana. Menurut Lai (1993), dapatan kajian membaca cepat pelajar-pelajar sekolah menengah di Hong Kong menunjukkan bahawa kemampuan membaca cepat meningkat secara signifikan, tetapi tidak signifikan pada kefahaman bacaan. Selain itu, hasil kursus membaca cepat yang dilakukan di Venezuela oleh Champeau de Lopez (1993) menunjukkan bahawa pelajar-pelajarnya mengalami peningkatan kecepatan membaca dari 120 kpm menjadi 170 kpm, tetapi terjadi penurunan kefahaman dari 78% menjadi 67%. Secara umum, membaca cepat mempunyai korelasi yang erat dengan membaca kefahaman (Broughton et al. 1978; Champeau de Lopez 1993).

Kecepatan Efektif Membaca

Berdasarkan dapatan kajian (ujian kedua) diperoleh skor Kecepatan Efektif Membaca (KEM) sebanyak 212.19. Skor ini digolongkan rendah. Menurut Hardjasujana (2000), berdasarkan hasil studi pakar membaca di Amerika, kecepatan yang memadai untuk murid-murid peringkat akhir Sekolah Dasar kurang lebih 200 kpm, pelajar peringkat Lanjutan Pertama antara 200-250 kpm, pelajar peringkat Sekolah Menengah Atas antara 250-325 kpm, dan peringkat pelajar universiti antara 325-400 kpm dengan kefahaman isi bacaan minimum 70%. Dengan huraian tersebut dapat dikelompokkan Kecepatan Efektif Membaca (KEM) masing-masing peringkat, iaitu peringkat SD = $200 \times 70\% = 140$ kpm, peringkat SMTP/SMP = $200 \times 70\%$ hingga $250 \times 70\% = 140-175$ kpm,

peringkat SMTA/SMA = $250 \times 70\%$ hingga $350 \times 70\% = 175-245$ kpm, dan peringkat Universiti $350 \times 70\%$ hingga $400 \times 70\% = 245-280$ kpm (Harjasujana 2000).

Selanjutnya, Hardjasujana (2000) menambahkan bahawa untuk mencapai KEM yang tinggi diperlukan latihan dan pembiasaan. KEM seseorang dapat dibina dan ditingkatkan melalui proses latihan. Ada dua faktor utama yang diduga sebagai faktor yang mempengaruhi KEM, iaitu faktor dalam (internal) dengan faktor luar (eksternal). Yang dimaksudkan dengan faktor dalam adalah faktor yang berada di dalam diri pembaca itu sendiri, antaranya kecerdasan, minat, dan motivasi, sikap baca, kompetensi kebahasaan, dan tujuan membaca. Yang dimaksudkan faktor luar adalah faktor-faktor yang berada di luar pembaca. Faktor ini dapat dibezakan ke dalam dua hal, iaitu faktor-faktor yang berkenaan dengan bacaan (kebolehbacaan dan organisasi bacaan) dan sifat-sifat lingkungan baca (antara lain, guru, fasiliti, model pembelajaran, dan kaedah membaca).

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa wujud peningkatan kepantasan membaca pelajar daripada ujian pertama kepada ujian kedua, iaitu daripada 212.125 kpm menjadi 279.20 kpm. Selain itu, kefahaman idea pokok pelajar digolongkan sederhana, iaitu 76%. Namun, kemampuan efektif membaca (KEM) digolongkan rendah, iaitu 212.19 kpm. Dengan demikian, teknik penemuan idea pokok dalam membaca cepat dapat meningkatkan kepantasan membaca dan kefahaman idea pokok pelajar secara signifikan, tetapi tidak dapat meningkatkan KEM secara signifikan.

RUJUKAN

- Abdul Razak. (2001). *Membaca kefahaman*. Pekanbaru: Autografika.
- Broughton, G., Brumfit, C., Flavell, R., Hill, P. & Pincas, A. (1978). *Teaching English as a foreign language*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Champeau de Lopez, C.L. (1993). Developing reading. *English Teaching Forum*, 31 (1): 50-51.
- Crawley, S.J. & Mountain, L. (1995). *Strategies for guiding content reading*. Boston: Allyn & Bacon.
- Farida Rahim. (2007). *Pengajaran membaca di sekolah dasar*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Harjasujana, Ahmad Slamet. (2004). *Materi keterampilan membaca*. Departemen Pendidikan Nasional Direktorat Jenderal Pendidikan Dasar dan Menengah Bagian Projek Peningkatan Perpustakaan Sekolah dan Pelajaran Sastera.
- Harris, L. T. (Editor). (1983). *Dictionary of reading and related term*. London: Heinemann Educational Book.
- Jacobs, G.M., Davis, C. & Renandya, W.A. (Editor.). (1999). *Successful strategies for extensive reading*. Singapore: SEAMEO Regional Language Centre.
- Kholid Harras, Endah Tri Priyanti & Titik Harsiati. (2009). *Membaca 1*. Jakarta: Universitas Terbuka.
- Lai, F.K. (1993). The effect of a summer reading course on reading and writing skills. *System*, 21: 87-100.
- Listiyanto Ahmad. (2010). *Speed reading: Teknik dan metode membaca cepat*. Jogjakarta: APlus Books.
- Marohaini Yusoff. (2001). Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif. Dalam Marohaini Yusoff (Pnyt). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalal kerja lapangan kajian*, 35-60. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mikulecky, B.S. & Jeffries, L. (1998). *Reading power*. New York: Pearson Education.
- Nurhadi. (2005). *Bagaimana meningkatkan kemampuan membaca*. Bandung: Sinar Baru Algensindo.
- Richard, J.C. & Schmidt, R. (Editor). (2002). *Longman dictionary of language teaching and applied linguistics*. 3rd Edition. London: Longman.
- Tarigan, Henry Guntur. (1985). *Membaca sebagai suatu keterampilan berbahasa*. Bandung: Angkasa.
- Yahya Othman. (2003). *Mengajar membaca: Teori & aplikasi*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.